

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 25 SEPTEMBER 2016

^{SH 25/9}
Kos urus
bahan buangan meningkat

Kewujudan Pusat Kitar Semula Bukit Jelutong bantu pengurusan alam sekitar yang kritikal

■ MUHAMMAD FAIZ SULONG

BUKIT JELUTONG - Langkah pengurusan alam sekitar lebih komprehensif perlu dilakukan seiring dengan kos pengurusan bahan buangan yang semakin meningkat.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata, kewujudan Pusat Kitar Semula Bukit Jelutong bertepatan dengan keadaan pengurusan alam sekitar yang kritikal.

"Selain dapat mengurangkan kos pengurusan bahan buangan yang semakin meningkat, impak kewujudan

pusat kitar semula ini dapat membangkitkan kesedaran amalan kitar semula terutama dalam kalangan kanak-kanak dan generasi muda," katanya ketika ditemui pada program Perasmian Mural Eco di Pusat Kitar Semula Bukit Jelutong, semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri juga dalam proses memperkenalkan polisi 'no styrofoam' bagi mengurangkan penggunaan bahan polistirena dan plastik seperti bekas makanan.

Dalam program berkenaan, Elizabeth turut memuji usaha hasama Persatuan Komuniti Bukit Jelutong (BJRA), Majlis

Perwakilan Penduduk Zon 19 (MPP19) dan Persatuan Tzu Chi menguruskan Pusat Kitar Semula Bukit Jelutong.

"Kita melihat persatuan sukarelawan dan komuniti Bukit Jelutong begitu mengambil berat dalam soal isu pengurusan alam sekitar ini, dan usaha berterusan ini patut dijadikan model ikutan oleh kawasan lain di Selangor.

"Kerajaan negeri sentiasa menyokong usaha sebegini dan akan mengagihkan geran bernilai RM10,000 kepada Pusat Kitar Semula Bukit Jelutong dalam meningkatkan kesedaran pengurusan amalan kitar semula," katanya.



Elizabeth menurunkan tandatangan perasmian sewaktu program Perasmian Mural Eco di Bukit Jelutong, semalam.